



BOLA SEPAK PERATURAN PERMAINAN SUKAN BEKALAN AIR SE-MALAYSIA



SBAM | 2023
KEDAH



SADA

PERATURAN PERMAINAN BOLA SEPAK 9 SEBELAH SUKAN BEKALAN AIR SE-MALAYSIA

Perkara 1: Nama

Pertandingan ini dinamakan Pertandingan Bola Sepak 9 Sebelah Sukan Bekalan Air Se-Malaysia.

Perkara 2: Undang-Undang / Peraturan

Kecuali apa yang tersebut di dalam Peraturan yang menguasai pertandingan ini, maka undang-undang permainan yang dikeluarkan oleh Persatuan Bola Sepak Antarabangsa (FIFA), Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) dan Peraturan Am Sukan Bekalan Air Se-Malaysia hendaklah diikuti.

Perkara 3: Penyertaan

Kelayakan penyertaan hendaklah mematuhi Perkara 5 dalam Peraturan Am Sukan Bekalan Air Se-Malaysia.

Perkara 4: Kategori, Pembentukan Pasukan dan Masa Bermain

1. Bola Sepak berpasukan 9 sebelah. Setiap pasukan boleh mendaftar 1 pasukan seperti berikut:

Bil.	Perkara	Jumlah
1.	Pengurus Pasukan	1 Orang
2.	Jurulatih Pasukan	1 Orang
4.	Pemain	9 Orang
5.	Simpanan	5 Orang
	Jumlah	16 Orang

2. Setiap pasukan diwajibkan mendaftar sekurang-kurang 1 orang pemain veteran berumur 40 tahun ke atas (lihat Peraturan Am Perkara 5) dan mesti bermain sepenuh masa.
 - a) Setiap pasukan mestilah mempunyai sekurang-kurangnya 7 orang pemain sebelum sesuatu perlawanan dimulakan. Jika kurang daripada ini, pasukan tersebut dikira menerima kekalahan dengan jaringan 3-0.
 - b) Masa permainan adalah 30 minit bagi keseluruhan permainan dengan 5 minit masa rehat (15 + 5 + 15).
 - c) Perlawanan peringkat Akhir masa permainan adalah (20 + 5 + 20).
 - d) Pasukan yang menang akan mendapat 3 mata, seri 1 mata dan kalah tidak mendapat mata.
 - e) Tempoh masa menunggu adalah 15 minit daripada masa yang dijadualkan dan mana-mana pasukan yang melanggar Peraturan akan dikira kalah dan pasukan lawan dikira menang serta akan memperolehi jaringan percuma sebanyak 2 jaringan tanpa balas dan 3 mata kemenangan.

Perkara 5: Peralatan dan Pakaian Pemain

1. Pemain dilarang menggunakan atau memakai sebarang aksesori yang menyebabkan bahaya kepada dirinya atau pemain-pemain lain termasuk sebarang barang-barang kemas.
2. Alatan asas yang diwajibkan ialah:
 - Jersi atau baju bernombor dan berlengan.
 - Seluar Pendek.
 - Stoking Panjang.
 - 'Shin Guard'.
 - Inner/Thermal Thight - mestilah hitam/putih atau sama warna dengan pakaian jersi pasukan.

Perkara 6: Pertukaran Pemain

Pemain gantian mestilah terdiri daripada pemain-pemain yang didaftarkan di dalam borang pendaftaran manakala "rolling substitutes" hanya dibenarkan untuk pemain veteran sahaja.

Perkara 7: Pendaftaran Pemain

1. 15 minit sebelum bermulanya perlawanan, setiap pasukan hendaklah mengemukakan nama 9 pemain dan 5 pemain simpanan di dalam borang pendaftaran pemain yang disediakan oleh Jawatankuasa Teknikal Pertandingan.

Perkara 8: Sistem Pertandingan

1. Peringkat awal akan dijalankan secara liga kumpulan (rujuk Peraturan Am Perkara 8) manakala pusingan suku akhir hingga ke perlawanan akhir secara kalah mati.
2. Johan dan Naib Johan setiap kumpulan layak ke pusingan kalah mati
3. Tiada masa tambahan diperuntukkan pada pusingan kalah mati. Jika permainan berakhir dengan keputusan seri, tendangan dari tanda penalti hendaklah diadakan untuk menentukan pemenang.

Perkara 9: Cara Memutuskan Keputusan Kumpulan

Secara Liga

1. Cara memberi mata
 - Menang: 3 mata
 - Seri: 1 mata
 - Kalah: 0 mata

2. Sekiranya di akhir perlawanan dalam 1 kumpulan, kiraan mata diperolehi sama oleh 2 atau lebih pasukan, maka keputusannya akan ditentukan seperti berikut:
 - a) Pasukan yang menang perbezaan gol yang lebih 'Goal Difference' akan diistiharkan pemenang.
 - b) Sekiranya perbezaan gol sama, maka pasukan yang menjaringkan paling banyak gol akan dikira pemenang.
 - c) Sekiranya jaringan gol sama, maka pasukan yang kena bilangan gol paling kurang 'Goal Conceded' akan dikira menang.
 - d) Jika semua perkara di atas didapati sama juga, maka keputusan muktamad akan dibuat secara lambungan syiling.

Perkara 10: Sistem Kalah Mati dan Sepakan Dari Tanda Penalti

Sekiranya tamat tempoh masa permainan dan keputusan masih lagi seri, maka 3 sepakan dari tanda penalti akan diadakan, jika masih lagi seri maka penalti secara 'Sudden Death' akan dilakukan sehingga ada pemenang.

Perkara 11: Penangguhan

Jika permainan dihentikan oleh pengadil atas sebab pergaduhan atau campur tangan penonton, maka kedudukan keputusan perlawanan akan ditentukan oleh jawatankuasa Teknikal Pertandingan dengan merujuk kepada Jawatankuasa Bantahan dan Rayuan, begitu juga tindakan ke atas pegawai dan pemain terlibat.

Perkara 12: Menarik Diri, Memberi Kemenangan Percuma dan Gagal Hadir

1. Perkara 11 dalam Peraturan Am Sukan Bekalan Air Se-Malaysia digunapakai.
2. Pasukan yang menang akan diberi mata kemenangan 3 mata dengan jaringan 2-0.

Perkara 13: Bantahan

Semua bantahan yang dikemukakan oleh mana-mana pasukan hendaklah mematuhi Perkara 16 dalam Peraturan Am Sukan Bekalan Air Se-Malaysia.

Perkara 14: Tindakan Tatatertib Permainan

1. Mengenakan penggantungan automatik 1 perlawanan bagi pemain yang dikenakan 2 kad kuning.
2. Mengenakan penggantungan automatik 2 perlawanan bagi pemain yang dikenakan kad merah atau buang padang.

Perkara 15: Keadaan Luar Jangka

Perkara 19 dalam Peraturan Am Sukan Bekalan Air Se-Malaysia digunapakai.